

KELEBIHAN REJAB

19 JANUARI 2024

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ

السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ

أَنفُسَكُمْ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya).*”

Dalam ayat yang dibacakan sebentar tadi, Allah Subhanahu wa Taala menjelaskan bahawa terdapat dua belas bulan dalam setahun dan Islam menetapkan empat bulan daripadanya sebagai bulan haram. Bulan haram boleh didefinisikan sebagai bulan yang sangat dihormati kerana diharamkan sesiapa jua berperang dalam

bulan ini. Bulan haram juga bermakna bulan yang suci. Empat bulan haram atau bulan suci ini ialah Zulkaedah, Zulhijjah, Muharam dan Rejab.

Bulan Rejab termasuk dalam salah satu bulan Islam yang mempunyai keistimewaan kerana ia merupakan salah satu daripada bulan haram selain Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam. Selain diharamkan berperang, kita juga diharamkan melakukan kezaliman atau maksiat seperti menganjurkan pesta-pesta hiburan yang melalaikan. Ibnu Abbas menjelaskan bahawa: *“Setiap kezaliman yang dilakukan dalam bulan haram, dosanya adalah lebih besar berbanding bulan-bulan yang lain. Begitu juga, amal soleh yang dilakukan (dalam bulan-bulan haram) adalah lebih besar (pahalanya) berbanding bulan-bulan yang lain.”* Inilah sepatutnya yang perlu diberikan perhatian oleh masyarakat kita hari ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Berdasarkan kefahaman ini, kita umat Islam seharusnya menjadikan bulan-bulan haram termasuk bulan Rejab yang sedang kita lalui sekarang ini sebagai bulan ibadah, di samping kita

sedaya-upaya menghindarkan diri daripada segala bentuk dosa dan maksiat. Memasuki bulan Rejab bermakna kita telah berada di gerbang Ramadan kerana tinggal kurang dua bulan lagi kita akan menyambut bulan suci tersebut. Apa salahnya kita jadikan bulan Rejab ini sebagai titik tolak peningkatan amalan kita berbanding bulan-bulan sebelum ini.

Umat Islam sangat digalakkan untuk berpuasa pada bulan-bulan haram yang mulia. Puasa dapat mencegah diri kita daripada maksiat. Tambahan pula, puasa ini boleh menjadi latihan dan persiapan diri kita menjelang tibanya bulan Ramadan nanti.

Kita juga boleh memperingati dan mengambil pengajaran daripada pelbagai peristiwa penting yang berlaku dalam bulan Rejab seperti Peristiwa Isra' dan Mikraj, penghijrahan pertama umat Islam ke Habsyah, Peperangan Tabuk dan peristiwa pembebasan kali kedua kota Baitul Maqdis oleh Sultan Salahuddin al-Ayubi. Bulan Rejab juga adalah bulan kelahiran Imam al-Shafie dan dalam bulan Rejab juga berlakunya dua peristiwa yang sangat mendukacitakan dalam sejarah umat Islam iaitu kejatuhan Khilafah Uthmaniah yang bertapak di Turki dan Baitul Maqdis ke tangan Zionis Israel Laknatullah pada tahun 1948 Masihi.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Bersempena dengan bulan Rejab ini, marilah kita memperbaiki hubungan kita dengan Allah Subhanahu wa Taala dengan memperbanyakkan amal soleh seperti membaca al-Quran setiap hari, berzikir, beristighfar, berdoa, bersedekah, menunaikan solat-solat sunat, berpuasa sunat dan membersihkan hati kita seterusnya bersedia untuk menyambut kehadiran bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi. Semoga bulan Rejab ini mencetuskan motivasi kepada kita untuk menjadi hamba Allah Subhanahu wa Taala yang bertakwa, beriman dan beramal soleh.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾ جَزَاءُ لَهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ﴿٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمِ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.